

**ANGKATAN PEMUDA INSAF :
(1946-1947)**

HASFALILA BT HASSAN

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA SEJARAH
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perjuangan dan cabaran yang dilalui oleh Angkatan Pemuda Insaf (API) daripada tahun 1946 hingga 1947. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan memberi penekanan kepada analisis dokumen di Jabatan Arkib Negara Malaysia dan beberapa perpustakaan Universiti Awam di Malaysia. Selain itu, temu bual juga dijalankan dengan beberapa orang pejuang API serta warisnya. Dapatan kajian membuktikan bahawa API adalah sebuah organisasi politik separuh tentera yang berjuang untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian ini juga jelas menunjukkan usaha dan persediaan yang dilakukan API demi mencapai matlamat perjuangannya. Cabaran yang dilalui API serta hala tuju bekas anggota API yang dipaparkan dalam kajian turut menunjukkan bahawa barisan pejuang API ini tidak pernah berhenti untuk memperjuang kebebasan Tanah Melayu daripada menjadi jajahan British. Dapat disimpulkan bahawa, perjuangan API sebagai pertubuhan pemuda berhaluan kiri memberi impak dan kesan kepada jiwa pejuang API dalam mempertahankan tanah air daripada ancaman kuasa penjajah.

THE HISTORY OF THE STRUGGLE OF ANGKATAN PEMUDA INSAF 1946-1947

ABSTRACT

This research was conducted to study the struggles and challenges faced by Angkatan Pemuda Insaf (API) from 1946 to 1947. Qualitative research method is chosen with focus on the primary sources such as records and colonial documents that are available in National Archives Malaysia and in a few libraries in local universities in Malaysia. Likewise, interviews with several API members as well as interviews with their descendants are used as one of the sources. Research results proved that API is a half-military political organisation, radically fighting for the freedom of the Malay Land. This research also clearly shows the effort and preparations done by the organisation itself, API, in its effort to achieve the main objective of its fight. The obstacles suffered by the API members such as being held in prison and in captivity, proved nothing to weaken their deep will in realising the main aim of API organisation, which is to free the Malay land from being held in the hands of the British. The challenges faced by API and the ideologies and vision of API's members which are discussed in this research clearly portray that the API patriots never stop fighting for the freedom at Tanah Melayu from British. In conclusion, API's fight and voice as a Malay leftist movement do have great impact on the life and soul at these patriots in fighting for independence from the imperialist.



05



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Kepentingan Kajian	4
1.4 Tujuan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Soalan Kajian	5
1.7 Metodologi Kajian	6
1.8 Kajian Lepas	8
1.9 Pembahagian Bab	18
1.10 Kesimpulan	22



BAB 2 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PENUBUHAN API

2.1	Pendahuluan	24
2.2	Sejarah Penubuhan API	25
2.3	API sebagai pertubuhan berhaluan kiri	30
2.4	Faktor yang mempengaruhi penubuhan API	32
2.5	Ideologi API	38
2.6	Dasar Perjuangan API	40
2.7	Keahlian API	46
2.8	Latar Belakang Pemimpin API	54
2.8.1	Ahmad Boestamam	55
2.8.2	Karim Bakar	56
2.8.3	Kamarulzaman Teh	57
2.8.4	Abdullah Ayub	59
2.8.5	Mohd Asri Hj Muda	60
2.9	Kesimpulan	62



BAB 3 PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN API

3.1	Pendahuluan	63
3.2	Sejarah Indonesia Raya	64
3.3	Pengaruh Indonesia Dalam Pemikiran dan Perjuangan API	66
3.4	Pengaruh Agama Islam Dalam Pemikiran Dan Perjuangan API	74
3.5	Pengaruh Komunis Dalam Pemikiran Dan Perjuangan API	76
3.6	Pengaruh Daripada Gerakan Kemerdekaan Di India	78
3.7	Tuntutan Dalam Perjuangan API	79



3.8	Perbandingan Tuntutan Perjuangan API Dengan Pertubuhan Pemuda Yang Lain	83
3.9	Persiapan Dan Persediaan API Bagi Menentang Penjajahan British Dan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu	86
	3.9.1 Latihan Ketenteraan API	87
3.10	Modus Operandi API Dalam Menyebarluaskan Propaganda Dan Semangat Kebangsaan	95
3.11	Hubungan API Dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya	103
3.12	Hubungan API Dengan Parti Komunis Malaya	105
3.13	Kesimpulan	110

BAB 4 CABARAN DALAM PERJUANGAN API

4.1	Pendahuluan	111
4.2	Penglibatan API Dalam Pertubuhan UMNO	112
4.3	Perpecahan PKMM Dan API Dengan UMNO	114
4.4	Penglibatan API Dalam Pertubuhan Berhaluan Kiri Yang Lain	117
4.5	API Menjadi Perhatian Penjajah British	124
	4.4.1 Penerbitan Dan Pengedaran Testament Politik API	125
	4.5.2 Penggunaan Frasa “Merdeka Dengan Darah”	135
	4.5.3 Penonjolan Persediaan Dan Kekuatan Tenaga API	139
	4.5.3.1 Sambutan Setahun API Di Kuala Lumpur	140
	4.5.3.2 Sambutan Setahun API Di Perak	141
	4.5.3.3 Sambutan Setahun API Di Pahang	143
	4.5.4 Hubungan Antara API Dan Indonesia	145

	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi
4.6 Rancangan Radikal API 149									
4.7 Pengharaman API 152									
4.8 Kesimpulan 158									
 BAB 5 PERANCANGAN DAN HALA TUJU BEKAS AHLI API SELEPAS DIHARAMKAN									
5.1 Pendahuluan 160									
5.2 Penglibatan bekas ahli API Dalam Hartal 162									
5.3 Perancangan Gerakan Radikal API Pimpinan Ahmad Boestamam 169									
5.4 Penglibatan Bekas Ahli API Dalam PETA 173									
5.5 Penglibatan Bekas Ahli API Dalam UMNO 176									
5.6 Penglibatan Bekas Ahli API Dalam Gerakan PKM 178									
5.7 Penglibatan Bekas Ahli API Dalam Latihan Ketenteraan Kem Se-Malaya 181									
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi									
5.8 Penglibatan Bekas Ahli API Dalam Pembentukan Lasykar Rakyat Di Bawah Pimpinan PKM Di Pahang 189									
5.9 Penglibatan Bekas Ahli API Dalam Rejimen Ke-10 192									
5.10 Kesimpulan 197									
 BAB 6 RUMUSAN 198									
 SENARAI RUJUKAN 215									
 LAMPIRAN 222									
 GAMBAR 232									

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jawatankuasa API Peringkat Pusat	45
2.2 Jumlah Keahlian API Seluruh Tanah Melayu Pada Disember 1946	47
2.3 Senarai ahli API di negeri Pahang tahun 1946-1947	49
2.4 Senarai ahli API di negeri Perak tahun 1946-1947	50
2.5 Senarai ahli API di negeri Melaka tahun 1946-1947	50
2.6 Senarai ahli API di negeri Selangor tahun 1946-1947	51
2.7 Senarai ahli API di Negeri Sembilan tahun 1946-1947	51
2.8 Senarai ahli API di negeri Johor tahun 1946-1947	51
2.9 Senarai ahli API di negeri Kelantan tahun 1946-1947	52
2.10 Senarai ahli API di negeri Kedah tahun 1946-1947	52
2.11 Senarai ahli API di negeri Terengganu tahun 1946-1947	52
2.12 Senarai ahli API di negeri Singapura tahun 1946-1947	52
4.1 Keahlian Parti Kebangsaan Melayu Malaya Pada Disember 1947	154
5.1 Penutupan Kedai Bagi Menyokong Hartal Pada 20 Oktober 1947	167
5.2 Senarai Nama Bekas Ahli API Yang Menyertai UMNO	177
5.3 Senarai Bekas Ahli API Yang Menyertai PKM di Kampung Jenderam, Hulu Langat, Selangor	180
5.4 Organisasi Kepimpinan Kem Se-Malaya	182
5.5 Senarai Nama Peserta Sekolah Parti Kem Se-Malaya	185

	05-4506832		pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi
5.6	Jenis Dan Kuantiti Senjata Yang Digunakan Sepanjang Kursus Di Kem Sem-Malaya	187							
5.7	Senarai Bekas Ahli API Yang Terlibat Dengan Penubuhan Lasykar Rakyat	191							
5.8	Organisasi Ketenteraan Rejimen Ke-10	195							

SENARAI LAMPIRAN

- 1 Antara Tuntutan API Yang Dinyatakan Dalam Testament Politik API
- 2 Ideologi API yang dicatatkan dalam Testament Politik API
- 3 Hasil Risikan British Berkaitan API Semasa Kongres API Yang Pertama Di Melaka
- 4 Laporan daripada bahagian risikan British berkaitan API
- 5 Laporan daripada bahagian risikan British berkaitan API
- 6 Laporan daripada bahagian risikan British berkaitan API
- 7 Draf Warta Pengharaman API
- 8 Surat yang dihantar oleh PKMM Balik Pulau bagi membantah tindakan British yang mengharamkan API
- 9 Senarai Kedai yang Menyokong Hartal di Negeri Perak
- 10 Senarai Kedai yang Menyokong Hartal di Negeri Perak

SENARAI SINGKATAN

AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BTM	Barisan Tani Malaya
BPM	Barisan Pemuda Melayu
INA	Tentera Kebangsaan India
KITA	Gerakan Kiri Tanah Air
KMM	Kesatuan Melayu Muda
MDU	Malayan Democratic Union
MIC	Malayan Indian Congress
MPAJA	Malayan People Anti-Japanese Army
MSS	Malayan Security Service
PETA	Pembela Tanah Air
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Melaya
PMK	Persatuan Melayu Kelantan
PMP	Persatuan Melayu Perak
PMS	Persatuan Melayu Selangor
PNI	Parti Nasionalis Indonesia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SITC	Sultan Idris Training College
TPNM	Tentera Pembebasan Nasional Malaya
UMNO	United Malay National Organisation

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Nasionalisme merupakan satu konsep yang menarik ramai ahli sejarah untuk membincangkannya. Namun konsep ini sukar untuk dijelaskan kerana mempunyai pelbagai tafsiran. Namun, nasionalisme boleh dinyatakan sebagai satu sentimen dalam kalangan penghuni sesuatu wilayah tertentu. Perasaan ini dapat dilihat apabila rakyat sesuatu wilayah itu menggunakan lambang-lambang tertentu seperti sempadan dan ibu kota bagi menentukan taraf negara bangsa, keperibadian kebangsaan, kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, ekonomi, kebudayaan dan kesenian, bendera, lagu kebangsaan dan lain-lain.¹

¹ James P. Ongkili, *Perkembangan Nasionalisme*, Jurnal JEBAT, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil 1, 1971/72, hlm. 24



Hans Kohn dalam bukunya *The Idea of Nationalism* memberi maksud nasionalisme sebagai ‘satu keadaan fikiran yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul.² Keinginan mahu mewujudkan negara sendiri dan mahukan bangsa yang terbela dari aspek sosio-ekonomi dan budaya inilah yang membentuk nasionalisme sesuatu bangsa itu.

Di Tanah Melayu, orang Melayu memainkan peranan penting dalam memperjuangkan nasib bangsanya pada zaman penjajahan Inggeris. Pengertian ‘kebangsaan’ dihayati oleh orang Melayu kerana ia dikaitkan dengan perjuangan menegakkan maruah bangsa dan negara dalam menentang penjajah. API adalah pertubuhan pemuda yang menunjangi pergerakan menuntut kemerdekaan dengan



secara radikal. Jika dilihat tujuan politik, semboyan mahupun slogan API, kaedah penyebaran semangat kebangsaan dan rancangan politiknya, dapat diterjemahkan bahawa API adalah pertubuhan pemuda yang berdasarkan nasionalisme. Lantaran mahukan bangsa dan tanah airnya terbela, maka penubuhan API dicetuskan. Justeru, pertubuhan API bukan pertubuhan yang tidak bertujuan mahupun tersusun. Ideologi dan elemen yang diperjuangkan API mencakupi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu pada zaman itu.

Justeru, tesis ini akan memaparkan sejarah penubuhan Angkatan Pemuda Insaf (API) sejak idea awal pembentukan barisan pemuda ini dicetuskan sehinggalah API diharamkan oleh kerajaan British ketika itu. Kajian ini akan menumpukan penelitian terhadap sejarah penubuhan API, perjuangan serta cabaran yang dilalui API antara





tahun 1946 sehingga tahun 1947. Tahun 1946 adalah tahun yang menyebabkan tercetusnya peristiwa pertubuhan API dan seterusnya API mengalami zaman kemuncaknya sehingga tahun 1947. Sepanjang tempoh itu pemikiran politik dan perjuangan API dalam arus perjuangan menuntut kemerdekaan dianggap oleh pihak British sebagai sesuatu yang menggugat. Tekanan dari pihak British merupakan satu daripada pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh API. Antara cabaran lain ialah kekurangan sumber kewangan, sikap pemimpin dan ahli API itu sendiri.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Angkatan Pemuda Insaf terdiri daripada barisan pemuda yang sedar akan nasib



bangsa dan tanah airnya yang dijajah British. Justeru barisan pemuda ini bangkit berjuang untuk mengusir penjajah dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Bagi mencapai matlamatnya, API menetapkan sasaran dan prinsip yang jelas dalam perjuangannya. Pemikiran politik API meliputi aspek ekonomi, sosial dan politik. Negara berdemokrasi dan keadilan sosial adalah antara tuntutan yang diperjuangkan API.

Justeru pelbagai usaha dijalankan bermula daripada rancangan di peringkat pusat sehinggalah ke peringkat cawangan di seluruh Tanah Melayu. Namun API juga melalui pelbagai cabaran dalam usahanya mengusir penjajah British. Justeru, persoalan utama dalam kajian ini ialah, sejauhmanakah konsistensi perjuangan API dan mampukah API melestarikan pemikiran dan perjuangannya untuk mencapai tuntutan dalam perjuangannya dan kemerdekaan bagi Tanah Melayu?





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan membuktikan peranan Angkatan Pemuda Insaf dalam usaha menuntut kemerdekaan dan mengusir kolonial British dari Tanah Melayu. Usaha yang ditonjolkan API menunjukkan ketegasan perjuangan mereka yang tidak pernah mengalah dengan halangan yang diberikan penjajah.

Ianya juga menyelidik tuntutan yang diperjuangkan API sehingga menjayakan matlamat pertubuhannya untuk menggabungkan pemuda Melayu dari seluruh negeri di Tanah Melayu bagi menentang penjajahan yang dilakukan oleh penjajah British.. Berdasarkan sumber dan bukti tentang pertubuhan pemuda ini, kajian ini juga memaparkan cabaran dan ancaman yang dilalui API sehinggalah mengheret kepada



05



pengharaman pertubuhan pemuda ini.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai peranan yang dilaksanakan API sebelum negara mencapai kemerdekaan dan bagi menambahkan lagi hasil penyelidikan tentang sejarah negara sebelum merdeka. Tujuan lain adalah untuk mengkaji semua aspek tentang pertubuhan API daripada awal kemunculannya hingga ke akhir usia pertubuhan ini. Aspek yang ditekankan adalah usaha dan persediaan yang mereka lakukan bagi mengusir penjajah British dari Tanah Melayu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian tentang Angkatan Pemuda Insaf ini mempunyai beberapa objektif , iaitu

:

1. Mengkaji penubuhan API sebagai pertubuhan berhaluan kiri.
2. Mengenal pasti perjuangan API dan usaha yang dilaksanakan dalam mencapai matlamat perjuangannya. Slogan perjuangan API radikal, justeru kajian ini turut akan memaparkan usaha dilakukan API yang akan menjadi bukti keradikalannya.
3. Menghuraikan peranan yang dilalui API semasa berada di bawah naungan PKMM, selepas keluar dari Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah pengharaman API yang dikenakan oleh pihak British di Tanah Melayu ketika itu.
4. Memaparkan cabaran yang dilalui API dan kesan daripada pengharaman API.

1.6 SOALAN KAJIAN

1. Faktor yang mempengaruhi pemikiran API dalam penubuhannya sebagai sebuah pertubuhan politik berhaluan kiri dalam menentang penjajah British dan dalam usaha menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2. Apakah tuntutan dalam perjuangan API dan usaha yang dilakukan dalam menuntut dan membentuk sebuah negara yang merdeka?
3. Apakah peranan yang dimainkan dan cabaran yang dilalui API semasa berada di bawah naungan PKMM, selepas keluar dari gagasan PKMM, dan selepas pengharaman API yang dijalankan oleh pihak British di Tanah Melayu ketika itu?
4. Sejauhmanakah usaha API dalam mengekalkan peranannya sebagai pertubuhan yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Adakah API terus ‘marak’ tatkala terus-terusan dihambat tekanan daripada penjajah British mahupun tekanan daripada pihak lain?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Dalam penulisan ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif. Penyelidik mengumpulkan data dan maklumat daripada beberapa dokumen, buku, tesis dan beberapa fakta yang diperoleh hasil temuramah daripada beberapa individu terlibat. Terdapat beberapa proses yang dilaksanakan sebelum penyelidik memulakan penulisan penyelidikan ini iaitu pemilihan bahan, menganalisis sumber dan mempersesembahkannya dalam bentuk penulisan. Sumber pertama dan kedua sangat penting bagi memastikan hasil penulisan sejarah baik dan diterima umum. Justeru, penyelidik melakukan penyelidikan dokumen rasmi dan tidak rasmi, meneliti buku-



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

buku dan menemuramah beberapa orang bekas ahli API dan waris ahli API di tiga buah negeri iaitu Selangor, Pahang dan Perak. Semua ini adalah bertujuan menghasilkan sebuah kajian tentang Angkatan Pemuda Insaf daripada awal penubuhannya hingga pertubuhan ini diharamkan.

Bagi mengumpulkan maklumat daripada sumber pertama, penyelidik berjaya menemuramah beberapa bekas ahli API. Beliau adalah Tun Abdullah Ayub yang pernah menjadi pemimpin API cabang Manjung, Perak dan Encik Hashim bin Idris iaitu bekas ahli API Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang. Individu lain yang terlibat adalah Encik Bahari bin Mit Ahmad iaitu bekas ‘Tentera Semut’ di Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak. Penyelidik juga berkesempatan menemui waris API di Pahang iaitu Tuan Haji Suhaimi bin Said yang merupakan anak kepada pejuang API Lubuk



Kawah, Temerloh, Pahang. Penyelidik turut mengadakan lawatan ke tapak peninggalan yang pernah menjadi pusat kegiatan API di Temerloh, Pahang dan di Padang Rengas, Perak. Selain itu, penyelidik juga berjaya menemui beberapa dokumen rasmi hasil catatan British tentang API yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia.

Penyelidik juga melakukan kajian terhadap sumber sekunder bagi memaksimumkan sejarah API secara keseluruhannya. Sumber sekunder penting bagi memastikan keseragaman maklumat yang diperoleh daripada sumber pertama dan kedua ini. Sumber sekunder yang dimaksudkan terdiri buku, jurnal dan tesis. Justeru, penyelidik mleakukan kajian ke Perpustakaan Jabatan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Maim,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pada tahap kritikan sumber pula, penyelidik melakukan kritikan dan penilaian dengan membanding beza kepada semua dapatan yang diperoleh. Terdapat beberapa penulisan berkaitan sejarah API ini bertentangan dengan maklumat yang dicatat pada dokumen rasmi yang diperoleh di Jabatan Arkib Negara, Kuala Lumpur. Percanggahan fakta juga dikenal pasti antara rujukan yang diperoleh daripada sumber sekunder. Jelas, kritikan dan penilaian ke atas sumber yang diperoleh penting bagi memastikan penulisan sejarah yang dihasilkan tidak bersifat bias.



05

Setelah tafsiran ke atas sumber dilaksanakan, pemilihan bahan yang relevan dilakukan agar penulisan sejarah yang dihasilkan menepati objektif yang hendak dicapai. Penyelidik berusaha mengumpul data dan maklumat daripada pelbagai sumber bagi memastikan kajian sejarah yang dihasilkan adalah berdasarkan sumber yang benar sekaligus memantapkan lagi kajian ini. Peringkat akhir dalam kajian ini adalah mempersempahkan hasil dapatan ke dalam bentuk penulisan. Kaedah penulisan secara naratif dipilih agar hasil kajian menepati ciri-ciri karya sejarah.

1.8 KAJIAN LEPAS

Tidak ditemui lagi satu kajian khusus yang memfokuskan kepada pemikiran, perjuangan mahupun cabaran API. Namun, terdapat beberapa kajian lepas berkaitan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



tokoh yang menubuhkan API iaitu Ahmad Boestamam. Kajian mengenai tokoh ini serta perjalannya sepanjang seorang sasterawan, wartawan dan juga pejuang yang turut sama bergerak menuntut kemerdekaan Tanah Melayu turut dipaparkan. Antara buku yang memaparkan sejarah Ahmad Boestamam dalam pergerakan politik tanah air ialah **Memoir Ahmad Boestamam ‘Merdeka dengan Darah’ dalam Api** dan **Ahmad Boestamam : Satu Biografi Politik**. Namun, sejarah berkaitan API hanya dipaparkan sebagai salah satu bab dalam kebanyakan buku sejarah politik negara.

Memoir Ahmad Boestamam Merdeka dengan Darah dalam Api

merupakan kompilasi karya beliau yang merangkumi **Lambaian dari Puncak, Merintis Jalan ke Puncak dan Tujuh Malam Memanjang**.³ Buku ini memaparkan kehidupan Ahmad Boestamam sebagai seorang wartawan dan juga anak tempatan



yang bangkit menuntut kemerdekaan serta menentang penjajahan British. Memoir ini memberi tumpuan tentang kisah suka dan duka Ahmad Boestamam yang berkali-kali ditahan dan merana dalam kehidupan gelap di sebalik tirai besi. Peristiwa yang mencetuskan idea penubuhan API serta sebab kelahiran sayap pemuda PKMM ini juga turut dipaparkan. Buku ini menyingkap bahawa API ini dilahirkan secara tidak terancang pada 17 Februari 1946 iaitu semasa sambutan enam bulan Indonesia merdeka. Maka PKMM memutuskan untuk mengadakan Hari Perarakan dan perjumpaan ramai yang akan diadakan di Ipoh. Justeru Ahmad Boestamam selaku Ketua Pemuda PKMM menyatakan ketegasannya untuk memimpin API yang juga akan menyertai perarakan itu. Pergerakan agresif API jelas dipaparkan dalam buku

³ A.Samad Ismail, *Memoir Ahmad Boestamam ‘Merdeka dengan Darah dalam Api’*. Bangi.





ini. Meskipun baru peringkat permulaan, pertubuhan ini sangat aktif dalam mencari ahlinya dan meluaskan pengaruh politiknya.

Satu lagi buku yang turut memuatkan sejarah penubuhan API ialah **Ahmad Boestamam : Satu Biografi Politik** karya Ramlah Adam.⁴ Buku ini merupakan sebuah catatan sejarah biografi politik seorang tokoh besar radikal Melayu zaman tersebut. Dalam buku Ramlah Adam, jelas memaparkan penglibatan Ahmad Boestamam dalam menentang penjajah British. Bermula sebagai seorang wartawan sehingga menjadi tokoh politik yang memimpin beberapa gerakan radikal di Tanah Melayu seperti Barisan Pemuda Melayu (BPM) dan Angkatan Pemuda Insaf (API). Keperibadian Ahmad Boestamam dalam memimpin API ada dinyatakan. Dalam buku ini juga, penulis berjaya memperlihatkan keperibadian Ahmad Boestamam dalam



menetapkan latihan ketenteraan API. API di bawah pimpinan Ahmad Boestamam merupakan satu organisasi separa ketenteraan yang berkiblatkan Jepun. Ketegasan corak militari ini jelas dilihat apabila ahli yang tidak mengikut perintah akan ditampar. Lantaran ketegasan dan kesungguhan yang dipaparkan oleh pemimpin ini, maka ahli API sangat menyanjung tinggi perjuangan yang dipelopori oleh Ahmad Boestamam ini.

Manakala buku **Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan** hasil tulisan Mohamed Salleh Lamry merupakan sebuah lagi buku yang memaparkan gerakan nasionalisme berhaluan kiri dalam politik negara yang turut sama berjuang

⁴ Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam : Satu Biografi Politik*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka,2004.





menuntut kemerdekaan.⁵ Buku ini menumpukan ke arah gerakan parti bersayap kiri mengikut zaman seperti gerakan pada zaman antikolonial sebelum perang dunia kedua, gerakan politik masa pendudukan Jepun (1941-1945), gerakan politik nasionalis kiri Melayu (1946-1948), Gerakan Parti Komunis Malaya (1946-1948) sehingga kepada peristiwa Perundingan Baling yang diadakan pada tahun 1955. Penulis berjaya menunjukkan bahawa API sebagai sebuah barisan pemuda di bawah PKMM yang bekerjasama dengan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dalam merancakkan perjuangan menentang pihak British pada masa itu.

Buku ini menjelaskan sejarah API secara sepintas lalu berkaitan dengan keinginan API memperjuangkan kemerdekaan negara sehingga kepada peristiwa yang mengakibatkan API diharamkan oleh penajah British. Mohamed Salleh Lamry



penangkapan Ahmad Boestamam. Tulisan ini jelas memaparkan cabaran yang dilalui gerakan kiri politik Tanah Melayu sebelum merdeka.

Buku lain yang memaparkan fakta berkaitan API ialah **Memoir Shamsiah Fakeh Dari AWAS ke Rejimen ke-10**. Memoir ini memaparkan latar belakang kehidupannya meliputi pendidikan, perkahwinan dan tidak ketinggalan penglibatannya dalam perjuangan politik negara berhaluan kiri. Kredibiliti Shamsiah Fakeh dalam kepimpinan politik tidak dapat dinafikan apabila beliau dipilih untuk menjadi Ketua Wanita PKMM dan Ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Dalam catatan ini, penulis menyatakan bahawa penubuhan API adalah sama dengan

⁵ Mohamad Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

penubuhan AWAS. Shamsiah Fakeh telah menonjolkan kepentingan Ahmad Boestamam sebagai orang yang bertanggungjawab mewujudkan nama API dan AWAS. Cawangan PKMM yang paling kuat dan kukuh ialah di Perak dan Pahang. Meskipun tulisan riwayat hidupnya ditumpukan kepada penglibatannya dalam pertubuhan AWAS, namun beliau tidak manafikan pada ketika itu, PKMM merupakan sebuah pertubuhan berhaluan kiri yang hebat dengan semangat nasionalismenya. Kehebatan pertubuhan sayap pemuda dan wanita PKMM berjaya dipaparkan oleh penulis lantaran kepesatan pertumbuhan cawangan PKMM adalah seiring dengan penubuhan API dan AWAS. Dua pertubuhan ini sama rancak menyuarakan pandangan dan perjuangan mereka dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Dalam memoir ini hanya sedikit kenyataan berkaitan API, namun penulis jelas menyimpulkan bahawa peranan API adalah seiring dengan AWAS.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Terdapat memoir lain yang memaparkan perihal API iaitu **Memoir Ibrahim Chik Dari API ke Rejimen Ke-10**.⁶ Dalam memoir ini, penulis mengakui jiwa dan semangat memerdekaan tanah airnya mula tersemai sejak menyertai PKMM dan API. Malah cerpen-cerpen dari Indonesia, buku perjuangan Nahdatul Ulama, cerita-cerita tentang Alimin dan Bung Tomo serta ucapan-ucapan Soekarno telah menyemarakkan lagi semangatnya untuk bangkit berjuang membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah. Ibrahim Chik telah memperlihatkan bagaimana API mudah diterima di Pahang dan faktor-faktor yang mengukuhkan pertubuhan API di Pahang. Kesungguhan Ahmad Boestamam dinyatakan penulis dalam meluaskan pengaruh

⁶ Ibrahim Chik, *Memoir Ibrahim Chik Dari API ke Rejimen ke-10*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



API sebagai sebuah gerakan bersifat militeri. Catatan Ibrahim Chik juga menunjukkan bahawa Pahang adalah antara salah satu kubu API yang hebat. Buku ini banyak memfokuskan gerakan API di Pahang berbanding negeri yang lain. Namun begitu, tidak ada penjelasan terperinci tentang pemikiran dan perjuangan API.

Selain daripada memoir hasil catatan Ibrahim Chik, satu lagi tulisan riwayat hidup dihasilkan oleh Abdul Majid Salleh yang berjudul **Memoir Abdul Majid Salleh Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh**.⁷ Penulis secara jelas menyatakan akan tugas bahagian pemuda dalam PKMM yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam. Menurut catatannya, bahagian pemuda ini bertanggungjawab untuk mencari seberapa ramai anggota baru dan merancang segala tindakan yang perlu untuk kepentingan parti. Penulis juga turut menyatakan Ahmad Boestamam yang menubuhan API dan



menetapkan pakaian seragam bagi gerakan pemuda itu. Berdasarkan ingatan semata-mata penulis turut menyebut nama-nama pemimpin yang mengetuai API seperti Osman Yahya (Ketua API di Kelantan), Karim Bakar (Ketua API di Melaka) dan Ibrahim Karim (Ketua API di Kedah). Memoir ini juga menjelaskan akan tindakan British yang menggunakan ahli API sebagai perisik untuk menyelidik gerakan PKMM. Prinsip politik API tidak dinyatakan oleh penulis. Namun berdasarkan memoir ini dapat dilihat bahawa API telah menempuh cabaran dalam perjuangannya menentang penjajah lantaran terdapat rakyat yang tidak mempercayai kemerdekaan yang diperjuangkan oleh gerakan berhaluan kiri ini.

⁷ Abdul Majid Salleh, *Memoir Abdul Majid Salleh dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

